JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TINGKAT 9, GRAND SEASONS AVENUE
NO. 72, JALAN PAHANG
50564 KUALA LUMPUR

SH/5/2017

SEBUT HARGA B MENGHANTAR DAN MEMBEKAL TONER DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KENYATAAN SEBUT HARGA

1.0 PELAWAAN SEBUT HARGA

1.1 Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut:

1.1.1 020601 - Alatulis (tidak termasuk borang dan semua jenis kertas)

yang masih sah diperakui oleh pihak berkenaan.

1.2 Dokumen Sebut Harga hanya boleh didapati secara atas talian di laman web Jabatan Kebajikan Masyarakt Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 SKOP SEBUT HARGA

Sebut Harga ini merangkumi perkara seperti berikut:

2.1 Sebut Harga Membekal Toner di Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

3.0 SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

3.1 Penyebut Harga dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti berikut:

3.1.1	**020601**	**-**	**Alatulis (tidak termasuk borang dan semua jenis kertas)**

3.2 **Pembungkusan Toner** dalam bentuk ***single pack*** bukan dalam bentuk bungkusan berkembar (***twin pack).***

3.3 **Tempoh penyerahan / penghantaran barangan kali pertama adalah dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh Surat Setuju Terima. Penghantaran barangan seterusnya adalah pada minggu pertama bulan Oktober 2017.**

3.4 Cadangan Serahan Sebut Harga **(secara manual)** yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga. Peti Sebut Harga ditempatkan di alamat berikut:-

Jabatan Kebajikan Masyarakat WPKL,
Tingkat 9, Grand Season Avenue,
No 72 Jalan Pahang,
50564 Kuala Lumpur

3.5 Dokumen Sebut Harga **(secara manual)** hendaklah dimasukkan ke dalam 2 sampul surat yang berasingan dan dilabel seperti berikut:

a) SAMPUL A – CADANGAN KEWANGAN
b) SAMPUL B – CADANGAN TEKNIKAL

Kedua-dua **SAMPUL A** dan **SAMPUL B** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang lebih besar, berlakri dan di sebelah kiri (atas) ditulis seperti berikut:-

SEBUTHARGA SH/5/2017
SEBUT HARGA MENGHANTAR DAN MEMBEKAL TONER DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Cadangan Kewangan bagi Sebut Harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bertanda **SAMPUL A** terdiri dari 2 set dokumen (1 Asal dan 1 Salinan). Kandungan **SAMPUL A** adalah seperti berikut:-

SAMPUL A – CADANGAN KEWANGAN

a) LAMPIRAN A1 – SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA
b) LAMPIRAN A - SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
c) LAMPIRAN B – TAWARAN HARGA
d) LAMPIRAN C – BORANG KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA
e) SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK SYARIKAT BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR (APRIL 2017, MEI 2017 DAN JUN 2017)
f) PROFIL LENGKAP SYARIKAT BESERTA SIJIL PENDAFTARAN KONTRAKTOR / SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (ROC).

g) **MAKLUMAT PENGALAMAN PENYEBUT HARGA -** Salinan Surat Setuju Terima / Dokumen Lain bagi setiap perkhidmatan berkaitan yang pernah dilaksanakan sebagai bukti pengalaman Penyebut Harga. Pengalaman tanpa bukti sokongan tidak akan diambil kira.

Cadangan Teknikal bagi Sebut Harga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bertanda **SAMPUL B** terdiri daripada 1 set dokumen. Kandungan **SAMPUL B** adalah seperti berikut:-

SAMPUL B – CADANGAN TEKNIKAL

a) LAMPIRAN A - SENARAI SEMAK SEBUT HARGA
b) LAMPIRAN D - JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI
c) SURAT SOKONGAN DARIPADA HEWLETT- PACKARD (HP)
d) BROSUR ATAU RISALAH

3.6 **LAMPIRAN A1, LAMPIRAN A, LAMPIRAN B, LAMPIRAN C dan LAMPIRAN D DAN MAKLUMAT PENGALAMAN PENYEBUT HARGA** yang dikemukakan sebagai suatu tawaran akan dijadikan panduan dalam penilaian dan pemilihan Penyebut Harga. Tawaran yang tidak lengkap akan **ditolak.**

3.7 Penyebut Harga hendaklah menyebutharga bagi semua bekalan / perkhidmatan (mana yang berkenaan) yang disenaraikan secara terperinci di ruangan **LAMPIRAN B - TAWARAN HARGA.**

3.8 Dokumen Sebut Harga hendaklah dihantar melalui serahan tangan atau pos ke alamat yang disebutkan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga. Jika Sebut Harga tidak dihantar sendiri, Penyebut Harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya Sebut Harga dan lain-lain dokumen jika melalui pos, sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Walau apa pun alasan yang diberikan, sebarang Sebut Harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3.9 JKM WPKL tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana Penyebut Harga dalam penyediaan dan penyerahan tawaran Sebut Harga ini tanpa mengambil kira sama ada hasil proses Sebut Harga ini berjaya atau sebaliknya.

3.10 Kedua-dua sampul (A dan B) hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang berlakri (*sealed*) dan ditanda di bahagian atas sampul surat itu dengan :-

SH/5/2017

DITUTUP PADA 17 OGOS 2017 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI

Semua sebut harga hendaklah dihantar kepada :

PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TINGKAT 9, GRAND SEASONS AVENUE
NO. 72, JALAN PAHANG
50564 KUALA LUMPUR

4.0 MESYUARAT DAN PERTANYAAN MAKLUMAT TAMBAHAN

4.1 Sepanjang tempoh sebut harga ditawarkan, penyebut harga boleh mendapatkan penjelasan atas dokumen sebut harga atau hal-hal lain berkaitan daripada JKM WPKL.

4.2 Sekiranya perlu, JKM WPKL berhak mengatur mesyuarat dengan penyebut harga tertentu bagi penjelasan butiran dalam tawaran sebut harga yang dikemukakan. Mesyuarat sebegini bergantung kepada kebenaran Jawatankuasa Sebut Harga JKM WPKL. Penyebut harga akan dimaklumkan secara rasmi sekiranya JKM WPKL bercadang mengadakan mesyuarat. JKM WPKL juga berhak memperoleh maklumat tambahan jika perlu dari penyebut harga.

5.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA

JKM WPKL berhak membatalkan Sebut Harga ini sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh Penyebut Harga kerana urusan Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga terhadap perkara berkenaan dan tidak boleh dituntut kepada JKM WPKL atas kerugian.

6.0 HAK JKM WPKL UNTUK MENERIMA DAN MENOLAK CADANGAN SEBUT HARGA

6.1 JKM WPKLmempunyai hak untuk menerima atau menolak Sebut Harga tanpa tanggungan liabiliti kepada JKM WPKL atau obligasi untuk memaklumkan kepada Penyebut Harga sebab-sebabnya.

6.2 JKM WPKL berhak memilih kesemua atau sebahagian dari cadangan Penyebut Harga atas kepentingan JKM WPKL.

6.3 JKM WPKL tidak terikat untuk memilih tawaran Sebut Harga termurah. Keputusan JKM WPKL adalah muktamad dan tidak perlu memberikan sebab penolakan tawaran

7.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau di balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

15.0 PERBELANJAAN URUSAN SEBUT HARGA

Sebarang kos perbelanjaan dalam urusan tawaran Sebut Harga ini ditanggung oleh Penyebut Harga.

16.0 PERINGATAN

Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertentu atau menerima tawaran terendah sekali atau memberi sebab sesuatu tawaran Sebut Harga ditolak. Segala keputusan adalah muktamad.

17.0 SYARAT-SYARAT AM TAWARAN SEBUT HARGA

Syarat-syarat am dan syarat-syarat lain dalam dokumen Sebut Harga ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan kontrak ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada kontrak. Jika Penyebut Harga tidak mematuhi syarat-syarat tawaran Sebut Harga di atas mengenai apa-apa juga hal, maka tawaran Sebut Harga akan ditolak.

18.0 PERTANYAAN

19.1 Sebarang pertanyaan mengenai Sebut Harga ini, pembekal boleh merujuk kepada:

Dokumentasi

1. **Puan Nor Ain bt Abdul Aziz**
   Bahagian Pengurusan
   Jabatan Kebajikan Masyarakat
   Tel : 03-26124009
   Faks : 03-40428185
   e-mail : nor_ain@jkm.gov.my

2. **Encik Mohd Azrin bin Said**
   Bahagian Pengurusan
   Jabatan Kebajikan Masyarakat
   Tel : 03-26124021
   Faks : 03-40428185
   e-mail : mohdazrin@jkm.gov.my